

Menghayati

PEMAHAMAN MELAYU ISLAM BERAJA

UNISSA Press
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Negara Brunei Darussalam
1437H/2016M

Diterbitkan oleh:
UNISSA Press
Pusat Penyelidikan dan Penerbitan
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu
BE1310, Gadong
Negara Brunei Darussalam

© UNISSA Press, 2016

Cetakan Pertama 2016

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Pusat Penyelidikan dan Penerbitan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam.

Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei

Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan

MENGHAYATI pemahaman Melayu Islam Beraja.-- Bandar Seri Begawan :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali, 2015.

130p. cm

ISBN 978-99917-65-91-4 (Kulit Keras)

978-99917-65-98-3 (Kulit Lembut)

1. Melayu Islam Beraja. 2. Civics--Brunei Darussalam.
3. Brunei Darussalam--Politics and government
4. Islam and state--Brunei Darussalam.

320.55095955 MEN (DDC 23)

Kandungan

Kata Pengantar	ix
----------------	----

Prakata	xi
---------	----

Kertas Kerja Kuliah Khas Melayu Islam Beraja (MIB)

1. MELAHIRKAN GENERASI BERWAWASAN MELALUI PENDIDIKAN BERTERASKAN KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA	1
<i>Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam</i>	
2. MENGHAYATI MAKNA ISLAM MEMPERKASA FAHAMAN MELAYU ISLAM BERAJA (MIB)	17
<i>Dr Lilly Suzana binti Shamsu</i>	
3. PERANAN RAJA DALAM MENEGAKKAN SYIAR ISLAM DI BRUNEI DARUSSALAM	31
<i>Dr Hajah Rasinah binti Haji Ahim</i>	
4. EKONOMI DAN KEWANGAN ISLAM	65
<i>Dr Hjh Rose binti Abdullah</i>	
5. ADAT PRA PERKAHWINAN BRUNEI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM	77
<i>Ustazah Zurairatul Zakiah binti DSS Haji Rajid</i>	
6. PENTADBIRAN TRADISI ISLAM DI BRUNEI DARUSSALAM: SATU PENGAMATAN	97
<i>Ustaz Muhammed Sahrin bin Haji Masri</i>	
7. KEPENTINGAN DAN KEPERLUAN SYARIAH ISLAM BERSENDIKAN MELAYU ISLAM BERAJA	109
<i>Ustazah Norasiah binti Haji Amai</i>	

Kata Pengantar

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين،

Segala syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan izin serta limpah kurnianya jua, buku *Menghayati Pemahaman Melayu Islam Beraja* dapat diterbitkan yang diungkayahkan oleh Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Buku ini menghuraikan mengenai pengetahuan dan kefahaman mengenai Melayu Islam Beraja yang dihasilkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam dan tenaga akademik UNISSA mengikut kepakaran masing-masing. Ini bertujuan agar Kuliah MIB dilengkapi dengan ilmu pengetahuan pelbagai bidang yang bersendikan Melayu Islam Beraja.

Mewakili UNISSA, saya sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam, di atas berkesudian dalam menyampaikan ceramah kepada pelajar UNISSA dan sumbangan dalam menulis kertas kerja untuk dimuatkan di dalam buku ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada penulis-penulis yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah UNISSA daripada Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Usuluddin dan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam atas sumbangan ilmu yang dicurahkan .

Dengan terbitnya buku ini diharap akan menjadi nilai tambah dalam memahami konsep Melayu Islam Beraja dan dapat menjadi bahan rujukan utama bagi pelajar serta memberi manfaat kepada pembacanya.

Akhir sekali ucapan tahniah dan syabas kepada Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali atas kejayaan menerbitkan buku ini dan juga kepada semua yang telibat dalam memberi kerjasama dalam penerbitannya. Mudah-mudahan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memberikan ganjaran dan rahmat di atas kerjasama yang disumbangkan.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal
Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Negara Brunei Darussalam



Prakata

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على سيدنا محمد الذي بعثه الله رحمة للعالمين، وعلى آله، وصحبه من العرب والجمان،

Alhamdulillah, segala syukur dirafakkan ke hadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan izin Allah dan dengan hidayah dan taufik-Nya juga, buku *Menghayati Pemahaman Melayu Islam Beraja* ini dapat juga diungkayahkan penerbitannya, oleh Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Buku *Menghayati Pemahaman Melayu Islam Beraja* ini merupakan himpunan artikel daripada kertas kerja kuliah khas Melayu Islam Beraja (MIB) yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan artikel yang telah dibentangkan semasa Kuliah Melayu Islam Beraja yang dihasilkan oleh tenaga akademik UNISSA dari setiap fakulti.

Dalam kesempatan ini suacita saya merakamkan ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada para pembentang dan penulis artikel; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam, Dr Lilly Suzana Shamsu (Usuluddin), Dr Hajah Rasinah binti Haji Ahim (Usuluddin), Ustazah Hjh Rose binti Abdullah (Ekonomi dan Kewangan Islam), Ustazah Zurairatul Zakiah binti DSS Haji Rajid (Syariah dan Undang-Undang), Ustaz Muhammed Sahrin bin Haji Masri (Bahasa Arab dan Tamadun Islam) dan Ustazah Norasiah binti Haji Amai (Syariah dan Undang-Undang).

Tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dalam penerbitan buku ini iaitu Penyelaras Kursus Melayu Islam Beraja, Ustazah Hajah Amalena binti Haji Jarudin dan semua pegawai dan kakitangan UNISSA yang terlibat. Semoga keikhlasan, kerjasama segala sumbangan yang dihulurkan itu akan memperolehi ganjaran rahmat dan berkat dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala* juga.

Mudah-mudahan buku ini dihasratkan sebagai bahan rujukan bagi pelajar-pelajar dan memberikan lebih kefahaman tentang cara hidup yang berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Pengiran Dr Haji Saiful Bahrin bin Pengiran Haji Kula
Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Negara Brunei Darussalam

MELAHIRKAN GENERASI BERWAWASAN MELALUI PENDIDIKAN BERTERASKAN KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna
Dato Seri Setia (Dr) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam

Pendahuluan

1. Ceramah saya hari ini akan memfokus kepada Pusat Pengajian Tinggi iaitu “Melahirkan Generasi Berwawasan Melalui Pendidikan Berteraskan Konsep Melayu Islam Beraja: Peranan Pusat Pengajian Tinggi”.
2. Oleh kerana para mahasiswa dan mahasiswi telahpun mengikuti program atau mata pelajaran Melayu Islam Beraja di peringkat persekolahan menengah atas, saya tidak akan memberikan definisi atau tafsiran MIB yang sudah diketahui umum. Demikian juga dengan sejarah MIB dalam liputan sejarah dan perkembangan kehidupan kita orang Brunei sehingga MIB diangkat dan dimeterai dalam Pengisytiharan Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 hb Januari 1984.
3. Saya juga tidak akan membincangkan secara terperinci pelaksanaan MIB dalam sistem pendidikan dari tahun 1984 sehingga hari ini. Saya hanya akan mengimbas rasional sesuatu ketetapan atau dasar yang dibuat mengenai MIB.
4. Ceramah pagi ini akan berkisar pada bidang-bidang:
 - 1) Apa yang dimaksudkan dengan Wawasan
 - 2) Generasi berwawasan melalui Pendidikan
 - 3) Peranan generasi berwawasan memacu kemajuan

Wawasan

Bagi Negara Brunei Darussalam satu rangka kemajuan jangka panjang telah digubal bagi tempoh 30 tahun bermula pada tahun 2007 yang mengandungi Wawasan Negara, dikenali sebagai Wawasan 2035 iaitu Rangka Strategi dan Dasar bagi Pembangunan (OSPD).

Wawasan 2035 berhasrat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam menjelang tahun 2035, dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang mempunyai:

- i) Rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran dan berjaya;
- ii) Kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi;
- iii) Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Ke arah mencapai Wawasan ini kita bersatu dalam:

- i) Kesetiaan kepada Sultan dan Negara;
- ii) Keyakinan terhadap nilai-nilai Islam; dan
- iii) Keharmonian sosial dan amalan tradisi berbaik-baik.

Dalam mencapai matlamat atau visi Wawasan 2035, satu Rangka Strategi dan Dasar bagi Pembangunan (Outlines Strategies and Policies for Development, OSPD) telah digariskan untuk tempoh 10 tahun pertama iaitu 2007 hingga 2017. Bagi Strategi Pendidikan, lapan (8) haluan dasar telah ditetapkan untuk mempersiapkan belia-belia di negara ini untuk pekerjaan dan kejayaan dalam dunia yang kompetitif dan berasaskan pengetahuan (knowledge-based).

1. Melabur dalam pendidikan awal kanak-kanak.
2. Menggunakan amalan terbaik antarabangsa dalam pengajaran dan pembelajaran.
3. Mengadakan pendidikan yang bertaraf tinggi di peringkat menengah dan pengajian tinggi termasuk sekolah vokasional, yang menghasilkan pakar, ahli profesional dan juruteknik yang diperlukan dalam perniagaan dan industri.
4. Memperkuatkkan kompetensi dalam teknologi info-komunikasi (ICT) bagi penuntut, guru dan pentadbir pendidikan termasuk integrasi ICT ke dalam kurikulum sekolah.
5. Membentuk program yang menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi.

6. Menggalakkan penyelidikan, perkembangan dan inovasi di institusi yang dibiayai kerajaan dan di institusi yang dibiayai oleh perkongsian sektor awam-swasta dan antarabangsa.
7. Menggalakkan kaedah mengajar yang *cost-effective* melalui penggunaan teknologi.
8. Memperbaiki pengurusan semua institusi pendidikan.

Dalam hubungan ini kecuali strategi bilangan (1) hampir kesemua strategi ini adalah langsung berkaitan dengan institusi pengajian tinggi. Oleh yang demikian adalah wajib bagi strategi pendidikan Wawasan 2035 ini diterjemahkan menjadi strategi bagi setiap institusi pengajian tinggi di negara ini.

Bagaimana menyelaraskan IPT dengan Rangka Strategi dan Dasar (OSPD) Wawasan 2035 dalam Pendidikan.

Tiga bidang utama ialah:-

- (1) Pengetahuan
- (2) Kemahiran
- (3) Sikap (Attitude) dan Akauntabiliti.

1. **PENGETAHUAN**

1. Kita semua memahami akan pentingnya ilmu pengetahuan baik dunia ni dan ukhrawi, fardhu ‘ain dan fardhu kifayah yang menjadi kewajipan khas kepada semua umat Islam.
2. Ini yang ditekankan oleh Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dalam Al-Quran yang jelas membezakan antara mereka yang berilmu dengan tidak berilmu. Terlalu banyak lagi ilmu yang masih belum dapat diteroka oleh manusia dari Al-Quran.

Imam Syafie *radhiyallahu anhu* pernah mengingatkan:

“Jika kamu hendakkan dunia, adalah dengan ilmu. Jika kamu hendakkan akhirat, adalah dengan ilmu. Jika kamu hendakkan dunia dan akhirat, adalah dengan ilmu juga”.

3. Pelaburan Kerajaan Dalam Pendidikan.

- 3.1 Kita bersyukur kerana atas kebijaksanaan dan kepimpinan raja-raja Negara Brunei Darussalam, Kerajaan telah melaksanakan dasar pendidikan yang dapat menghasilkan tenaga manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran.
- 3.2 Untuk memahami perkara ini, saya bawa 2 contoh dasar yang tercetus dari wawasan pemimpin negara dan menilai kesannya pada masa ini.
 - (i) Dalam tahun 50an, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Omar ‘Ali Saifuddien Sa‘adul Khairi Waddien pada masa itu percaya bahawa satu daripada dasar yang akan dapat membantu perkembangan dan kemajuan negara ialah dengan menghantar penuntut-penuntut keluar negeri untuk menuntut berbagai lapangan ilmu, seperti petikan titah Baginda.

Dengan pelaksanaan dasar ini, Brunei Darussalam telah menghantar penuntut mengikuti pengajian jurusan ugama dan pengajian akademik lain ke Singapura, Malaysia, Republik Arab Mesir, United Kingdom, Australia dan sebagainya.

Dasar ini telah berjalan sehingga masa ini dan terbukti telah dapat membekalkan negara dengan sumber tenaga yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang-bidang yang diperlukan.

- (ii) Contoh kedua ialah dasar mengadakan pendidikan sekolah ugama di sebelah tengah hari yang telah dilaksanakan sejak tahun 1957. Sekarang sistem persekolahan ugama telah berusia lebih 60 tahun. Jelas dari pelaksanaannya kita merasa yakin bahawa sistem pendidikan ugama membantu dalam hasrat/aspirasi untuk melahirkan modal insan yang seimbang, pendidikan duniawi dan ukhrawi. Dengan keyakinan itu, Akta Pendidikan Ugama Wajib telah dilaksanakan pada tahun 2012.

3.3 Komitmen Kerajaan melabur dalam pendidikan jelas terbukti selepas negara mencapai kemerdekaannya pada tahun 1984.

Tahun ini menjadi titik tolak dalam sistem pendidikan negara yang membawa perubahan-perubahan:-

1. Memulakan satu dasar pendidikan negara, “Sistem Pendidikan Dwi-Bahasa” yang diperkenalkan pada tahun 1985 berfungsi menyatukan semua sistem persekolahan aliran Melayu, Inggeris dan China sebelum kemerdekaan kepada satu sistem pendidikan kebangsaan. Sistem pendidikan ini berperanan untuk menyatukan semua anggota masyarakat di negara ini menjadi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang hidup secara harmoni, hormat menghormati dalam keamanan dan kesejahteraan.

“Sistem pendidikan ini akan membentuk masyarakat Negara Brunei Darussalam yang berdasarkan konsep MIB”.

2. Sistem pendidikan Dwi Bahasa melengkapkan Sistem Pendidikan Negara dengan tertubuhnya Pusat Pengajian Tinggi Universiti Brunei Darussalam pada bulan Oktober 1985 diikuti dengan Institut Teknologi Brunei.
3. Dengan pelaksanaan Sistem Pendidikan Negara, Melayu Islam Beraja telah diangkat menjadi satu mata pelajaran dalam Kurikulum Sekolah dan menjadi kursus wajib lulus di peringkat universiti.

3.4 Sistem Pendidikan Mantap.

1. Sistem Pendidikan Negara mencapai kemantapannya. Selaras dengan Wawasan 2035, yang dilaksanakan mulai 2007, Sistem Pendidikan Negara juga diselaraskan dengan matlamat Wawasan 2035 dengan mengenalkan Sistem Pendidikan Abad 21 (SPN 21).
2. SPN 21 membawa 3 perubahan dasar iaitu:-
 1. Sistem pendidikan yang memberi peluang pelbagai haluan (multiple-pathways).
 2. Kurikulum dan Penilaian.
 3. Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional.
3. Sistem SPN 21 dilaksanakan mulai 2009. Penilaian mengenainya dilaksanakan pada tahun 2013.

3.5 Peranan Penyelidikan dan Perkembangan (R&D) dan Inovasi di IPT.

1. Satu daripada fungsi IPT ialah penyelidikan dan perkembangan.
2. Penyelidikan yang diselaraskan dengan agenda penyelidikan negara akan dapat membantu memacu perkembangan selanjutnya yang akhirnya berupaya untuk menjana kemajuan ekonomi.
3. Dengan keyakinan inilah IPT sekarang berusaha mengenal pasti kluster penyelidikan yang berupaya untuk dikembang majukan.

UBD telah mengenal pasti 5 teras penyelidikan iaitu:- Biodiversiti, Tenaga, Agroteknologi dan Keselamatan Makanan (Food Security and Agro technology), Pengajian ASEAN dan Perbankan dan Kewangan Islam; ITB:- Minyak dan Gas, Teknologi Hijau dan Air; sementara

UNISSA:- Penyelidikan Mazhab Syafi'e.

4. Dengan mengenal pasti kluster ini, IPT akan dapat meyakinkan agensi tertentu bagi dana penyelidikan seperti Brunei Research Council.
5. *Sehubungan ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, “Sebagai institusi pengajian tinggi, beta mengingatkan supaya UBD turut memainkan peranan mendukung tema Rancangan Kemajuan Negara 10 iaitu mengutamakan pendidikan. UBD juga bertanggung jawab secara langsung dalam membangun kapasiti dari aspek sumber tenaga manusia. Dalam masa yang sama, beta berpendapat, UBD perlu terus meneliti kurikulumnya agar sentiasa relevan dan unggul di tahap antarabangsa. Perkara ini meliputi mengemaskinikan program-program yang ditawarkan supaya sentiasa selaras dengan keperluan negara”.*

(Majlis Konvokesyen ke-25 UBD
12 September 2013).

“Berbalik lagi kepada UNISSA. Pusat ini (Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'e) hendaklah berazam untuk melahirkan cendekiawan bertaraf ulama. Mereka kelak akan menjadi tonggak kekuatan kita, dimana kekuatan itu amat diperlukan oleh negara”.

(Majlis Hafl Al-Takharruj ke-3 UNISSA,
2 November 2013).

2. KEMAHIRAN

1. Dalam abad ke-21 dan dunia global yang kompetitif ini, kelulusan/ilmu akademik sahaja belum mencukupi untuk seorang graduan memainkan peranan dan bersaing. Ilmu pengetahuan akademik mesti disertai dengan kemahiran-kemahiran tertentu.

2. Beberapa kemahiran dikategorikan sebagai kemahiran yang mesti dimiliki oleh seseorang iaitu: berfikir, menganalisis, berfikir secara kritikal dan analisis, bekerja secara kumpulan, keusahawanan, inovasi dan kreatif.
3. Menerusi SPN 21, kemahiran asas yang diserapkan adalah relevan dengan kemahiran abad ke 21. "Kemahiran ini perlu digabungkan dengan pengetahuan untuk menyemai sikap dan nilai yang bersesuaian, memberikan asas kepada pembelajaran sepanjang hayat dan alam pekerjaan yang penuh cabaran." Kemahiran-kemahiran yang dikenal pasti adalah:-
 - Kemahiran Amali Ibadah;
 - Komunikasi: mendengar, bertutur, membaca dan menulis;
 - Numerasi;
 - Teknologi Info Komunikasi (ICT);
 - Berfikir;
 - Menyelesaikan masalah: kemahiran ini menumpukan operasi kognitif dan meta-kognitif. Kemahiran menyelesaikan masalah berhubung kait dengan proses berfikir, pembentukan andaian, penyelidikan, analisis dan membuat keputusan secara individu dan kumpulan;
 - Pengurusan diri dan berdaya saing;
 - Kemahiran Sosial;
 - Kemahiran Fizikal;
 - Kemahiran Estetika.
4. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, kita telah mengenal pasti akan bidang-bidang kemahiran yang perlu dimiliki oleh seorang pelajar menerusi SPN 21.

KENAPA KEMAHIRAN-KEMAHIRANINI PENTING?

- 1) Abad ke-21 dan cabaran-cabaran yang dibawa oleh globalisasi memaksa kita untuk bersedia menghadapi perubahan-perubahan yang tidak dijangkakan dan cabaran-cabarannya.

- 2) Kelulusan akademik sahaja tidak memadai bagi seseorang untuk memainkan peranan selaku tenaga kerja di abad ini jika tidak memiliki kemahiran-kemahiran yang diperlukan.
- 3) Kemahiran Pendidikan Teknikal.
 - 3.1 Salah satu daripada tiga perubahan dalam sistem pendidikan negara SPN 21 ialah pendidikan teknik dan vokasional. Sistem pendidikan teknikal dan vokasional perlu diselaraskan dengan Wawasan 2035. Kebanyakan negara di rantau ASEAN dan di dunia pada masa ini telah meneliti semula kedudukan pendidikan teknik dan berusaha bagaimana pendidikan ini dapat membantu negara dalam memacu kemajuan ekonomi dengan memenuhi keperluan tenaga manusia di sektor industri.
 - 3.2 Bagi tujuan ini, Transformasi Pendidikan Teknikal dan Vokasional Negara ini telah dilaksanakan pada tahun 2012 dan menghasilkan Kertas Putih Pendidikan Teknikal dan Vokasional Negara Brunei Darussalam 2013.
 - 3.3 Transformasi ini membawa 6 perubahan untuk dilaksanakan dalam tempoh masa 5 – 7 tahun mulai 2013:-
 - Struktur kursus
 - Meluaskan pilihan aprentis
 - Lebih banyak peluang untuk maju (progression)
 - Menaik taraf sistem latihan
 - Skim baru perkhidmatan teknik
 - Memberi nama baru institusi teknik
 - 3.6 Usaha awal yang dilaksanakan mulai September 2013 ialah dengan melahirkan tenaga kerja yang diperlukan oleh industri minyak dan gas. Dengan kerjasama padu dan atas usaha Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri, keperluan tenaga kerja menerusi *Energy Industry Competency Framework* (EICF), kursus di peringkat *Industry Skills Qualifications* (ISQ) bagi pelajar yang hanya tamat pengajian Tahun II dan kursus Higher National Technical Certificate (HNTec) bagi yang lulus dengan ‘O’ level dijalankan. Bagi HNTec, 158

pelajar menamatkan dengan tawaran bekerja. Bagi ISQ, 244 bekerja dalam tahun 2013, bagi cohort 2014, 421 mendapat tawaran bekerja. 25 sedang mengikuti ISQ pada bulan Mac 2015, dan 250 dalam bulan September 2015. Demikian juga dalam jurusan Akademi Maritim Brunei (BMA).

- 3.7 Ini adalah contoh bagaimana sistem pendidikan mesti pada setiap masa diselaraskan dengan perkembangan semasa.

3. SIKAP (ATTITUDE) DAN AKAUNTABILITI

1. Ilmu pengetahuan dan kemahiran mesti dilengkapi dengan sikap. Di sinilah letaknya keperluan untuk menghayati nilai-nilai MIB sebagai jati diri atau sikap orang Brunei. Berkaitan dengan ini sikap mesti disertai dengan akauntabiliti, yakni sikap bertanggungjawab.
2. Bagi umat Islam akauntabiliti kita ialah kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.
3. Nilai-nilai MIB yang diwarisi selama ini adalah tunjang yang bertanggungjawab dalam pembinaan masyarakat Brunei yang hidup dalam keamanan dan kesejahteraan. Kurikulum SPN 21 bertujuan memantapkan sikap dan nilai dalam diri pelajar bagi mewujudkan kehidupan yang harmoni dan saling hormat menghormati antara satu dengan yang lain. Sikap dan nilai yang perlu diserapkan ke dalam bidang pembelajaran adalah:-
 - Bertaqwa
 - Bertanggungjawab
 - Beriltizam
 - Jujur
 - Amanah
 - Patriotik
 - Yakin dan harga diri
 - Berdikari
 - Hormat menghormati
 - Penyayang, Prihatin

- Berintegriti
 - Berdaya saing
 - Bersiap siaga
4. Jati diri selaku orang Islam diserapkan menerusi pendidikan awal kanak-kanak bermula dari rumah membawa kepada pendidikan formal di sekolah.
- 4.1 Nilai-nilai MIB diterapkan dalam pendidikan awal.
- 4.2 Pendidikan Ugama Wajib memperkuuh lagi pengajaran ugama Islam apabila mencapai umur 7 tahun (Tahun 2 persekolahan) yang diikuti dengan pendidikan ugama selama 6 tahun.

APA KUALITI/KRITERIA GENERASI BERWAWASAN?

Kualiti yang harus dimiliki oleh individu dan juga selaku masyarakat/bangsa. Kualiti ini adalah kualiti yang diwarisi oleh orang Brunei dari nilai-nilai MIB yang telah diamalkan lebih 500 tahun yang lalu. Sebagai sebuah negara yang berpaksi kepada MIB:

1. Perlu melahirkan seorang belia yang mempunyai peribadi dan pandangan hidup selaku hamba Allah, seorang warga negara yang beriman, bertaqwa, berakhlak dan beramal soleh.

Beriman dan berakhlak itu mempunyai skop yang luas meliputi nilai-nilai MIB.

- Rajin, bekarikh, cakah, berinisiatif, efisien
- Reflektif/muhasabah diri

2. Berusaha meningkatkan ilmu dan kemahiran.

Mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat (life-long learning) bagi menjamin sentiasa di *frontier of knowledge*.

- Selaras dengan anjuran Islam.

3. Berfikir

Banyak dari ayat-ayat Al-Quran menganjurkan untuk berfikir

- Peranan selaku generasi Islam
- Kewajipan untuk memanfaatkan kualiti yang dijanjikan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* untuk mentransformasi umat Islam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah:

“Bagi umat yang berugama, pendidikan bukan semata-mata KNOWLEDGE tetapi juga akhlak. Ia mestilah seimbang antara rohani, jasmani dan intelek yang diurus oleh sistem pendidikan negara. Jika ini belum tercapai, bererti belum lagi berwajah pendidikan kita itu.

Maksud beta dengan WAJAH PENDIDIKAN di sini identiti yang dibentuk oleh pendidikan itu. Jika pendidikan hanya menghasilkan kecemerlangan semata-mata, tetapi dalam masa yang sama ia tidak berupaya melahirkan SYAKHSIAH-SYAKHSIAH BESAR yang boleh dikagumi, maka pendidikan yang seumpama ini masih saja di tahap biasa, belum sampai ke tahap yang boleh dibanggakan”.

(Sambutan Hari Guru Kali ke-13, 23 September 2003)

KESIMPULAN

1. Kita sekarang terus berhadapan dengan perubahan-perubahan dan cabaran yang dibawa oleh globalisasi, cabaran dari kederasan arus kemajuan dan perubahan teknologi info-komunikasi serta berhadapan dengan keadaan dunia yang tidak menentu dan dijangkakan. Kita berhadapan dengan abad ke-21 dan akan menyediakan generasi yang akan hidup dalam abad yang susah untuk diramal.

2. Sekian lama kita telah mencari apakah bentuk pendidikan untuk abad ke-21. Kita berusaha mengenal pasti apakah kurikulum yang perlu disediakan. Apakah bentuk pedagogi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai sebagai persediaan menghadapi abad perubahan ini.
3. Abad ke-21 dipacu oleh ekonomi berasaskan ilmu pengetahuan, pertukaran maklumat yang pantas dan kederasan arus teknologi komunikasi yang menghendaki sistem pendidikan baru di seluruh dunia. Di abad ke-21 pendidikan mesti memfokuskan untuk membentuk kanak-kanak secara menyeluruh dari segi moral, intelektual, fizikal, sosial dan estetik. Pelajar perlu menguasai pengetahuan dan kemahiran baru bagi memastikan survival dan kejayaan selaku individu, anggota masyarakat dan rakyat sebuah negara.
4. Semua ini memaksa kita untuk meneliti semula dan secara berterusan sistem pendidikan. Tidak sahaja negara membangun tetapi juga negara maju melaksanakan penilaian semula sistem pendidikan masing-masing untuk menjadikannya relevan bagi memenuhi keperluan generasi masa depan. Pendidikan adalah pemangkin ekonomi. Dalam dunia globalisasi berasaskan ilmu pengetahuan, rakyat yang berilmu menjadi aset memacu kemajuan ekonomi. Yang demikian kita perlu memperkembangkan setiap potensi individu.

Negara-negara Asean pada keseluruhannya telah dapat mencapai prestasi yang baik. Dengan tahap akses kepada pendidikan rendah yang melimpasi 90%, rantau ini sudah mencapai sebahagian besar matlamat Education For All (EFA) pada tahun 2015 dan memenuhi kriteria Millenium Development Goals.

Akan tetapi dunia masih menghadapi masalah pendidikan yang sama. Seorang dari lima orang dewasa atau 774 juta masih kekurangan kemahiran literasi. 75 juta kanak-kanak masih belum bersekolah. 200 juta lagi kanak-kanak tidak menamatkan pendidikan rendah. Dunia masih menyaksikan pergolakan politik dan sosial yang melanda beberapa buah negara termasuk negara-negara Islam. Tentu saja ramai lagi kanak-kanak yang terbantut persekolahannya. Inilah menjadi agenda utama pertubuhan antarabangsa seperti UNESCO dan ISESCO dan yang lain-lain untuk mengatasi masalah ini dan merapatkan jurang akses dalam pendidikan.

5. Tiga perkara pokok iaitu Ilmu Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap adalah perkara utama yang perlu dimiliki oleh generasi mahasiswa/mahasiswi IPT bagi menjadi generasi berwawasan. Kita sekarang berada dalam era globalisasi. Semua negara berusaha untuk meningkatkan kemajuan ekonomi dan sosial negara masing-masing. Semua bersaing dan berlumba-lumba untuk menaiki tangga hingga mencapai status negara maju.
6. Bagi tujuan ini banyak negara berusaha untuk memperkembangkan sumber tenaga manusia bagi menggerakkan perkembangan negara. Ini dilakukan melalui pendidikan. Kita menyaksikan usaha menilai semula dan membuat transformasi pendidikan.
7. Sejak abad ke-19 negara Islam dan umat Islam masih belum bergerak pantas merentasi kemalapan tamadun Islam yang belum lagi terangkat. Kegemilangan tamadun Islam di abad ke-16 dan 17 hanya menjadi ristaan sejarah. Negara-negara barat yang memanfaatkan kejayaan yang dicetuskan oleh Islam sekarang sudah berada jauh sebagai negara maju. Negara-negara yang mengalami kesan besar dari perang dunia kedua pun sudah lama bangkit dan meraih kemajuan dalam berbagai-bagai bidang dan masih bertahan sebagai negara maju. Negara-negara yang tidak mempunyai sumber asli seperti Switzerland, Singapura, Korea, Jepun dan wilayah Hong Kong adalah negara bertaraf negara maju. Kejayaan negara-negara ini adalah dari dasar pelaburan tenaga manusia.
8. Negara Brunei Darussalam berusaha untuk mempelbagaikan ekonomi negara dari bergantung kepada sumber minyak dan gas yang selama ini menyumbang kepada 90% pendapatan negara. Satu daripada pilihan ialah untuk memperkembangkan sumber tenaga manusia atau modal insan (human capital). Sumber tenaga manusia adalah aset yang sangat penting yang terbukti telah dapat membantu perkembangan dan kemajuan negara-negara maju hari ini.
9. Atas keyakinan inilah fokus Belanjawan Negara 2015/2016 “Modal Insan Berkualiti, Mendokong Pembangunan Inklusif”. Fokus ini memberi penekanan kepada empat tumpuan utama iaitu Memperkasa Pendidikan dan Latihan; Meningkatkan Produktiviti; Merangsang Kegiatan Pelaburan; dan Meningkatkan Kesejahteraan Awam.

10. Di sinilah letaknya tanggungjawab Institusi Pendidikan Tinggi di negara ini untuk menyelaraskan strateginya demi untuk mencapai tujuan besar ini. Untuk mencapai tujuan ini IPT dapat memainkan peranannya sebagai sebuah organisasi dan mahasiswa/mahasiswi dapat pula memainkan peranan mereka selaku individu.

Germany is struggling to find enough talents with MINT (Mathematics, IT, Natural Sciences and Technical) training to match the more than 90,000 technical and engineering vacancies.

In Asia the demand for highly skilled workers now far exceeds the talent pool. China, as an example, may face a skills gap of more than 20 million college-educated workers by 2020; Indonesia's need for skilled workers could rise from 55 million to 113 million by 2030.

Youth unemployment, in particular strands at unacceptably high levels: across Europe 8 million people are out of work, education and training.

Over 55% of young people are jobless in Spain and over 60% in Greece.

11. Semua ini berkait rapat dengan sikap atau “attitude”. Sebagai seorang Islam sikap mesti disertai dengan akauntabiliti. Bukan sahaja *accountable* kepada ketua tetapi yang paling mustahak *accountable* kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, menjadi seorang insan/mahasiswa/mahasiswi yang jujur dan amanah, penuh iltizam dan dedikasi.
- ❖ Peranan kita pada masa ini di IPT adalah untuk menyediakan mahasiswa/mahasiswi menghadapi kederasan arus perubahan berbanding sebelumnya. Kita berada dalam dunia **VUCA**, iaitu *volatile, uncertain, complex and ambiguous*. Oleh yang demikian pendidikan pada masa ini:
 - ❖ Menyediakan pelajar dengan pekerjaan yang belum lagi diwujudkan;
 - ❖ Menyediakan pelajar menggunakan teknologi yang belum lagi dicipta;

- ❖ Menyediakan pelajar kemahiran untuk menyelesaikan masalah yang tidak diketahui akan terjadi.

Begitulah rumit dan kompleksnya masa depan yang mampu digambarkan. Semua ini memaksa IPT dan mereka yang terlibat melipatgandakan usaha ke arah meningkatkan kualiti pendidikan. Asas menghadapi senario ini ialah sikap (attitude), pengetahuan dan kemahiran yang perlu terus dipupuk dan diperkembangkan sebagai landasan menuju pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat dengan penuh akauntabiliti.

Renungkanlah titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam:

“Salah satu usaha kerajaan beta untuk membina insan agar ianya memiliki sifat-sifat patriotik, ialah dengan melalui pendidikan kebangsaan. Sekarang kampus baru Universiti Brunei Darussalam sudahpun mula digunakan. Ia menelan belanja berjuta-juta ringgit.

Usaha ini adalah untuk melahirkan masyarakat Brunei yang berilmu lagi terpelajar. Mereka inilah kelak yang akan tampil kehadapan dengan gaya maju, dengan semangat maju dan pemikiran maju, tetapi masih tetap selaku purih Brunei, orang Brunei, jiwa raga Brunei, yang tidak pernah ingkar dan lari dari janji mereka untuk mendukung konsep Melayu Islam Beraja sebagai falsafah negara.”

(Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kali ke-11,
23 Februari 1995).

“Universiti ini (UNISSA) kita hasratkan akan menjadi mercu kegemilangan Islam di negara kita, dan insya Allah, ia akan turut berperanan melahirkan para ulama dan cendekiawan yang berwibawa yang diperlukan oleh negara”.

(Sambutan Tahun Baru Masihi 2007, 01 Januari 2007).

MENGHAYATI MAKNA ISLAM MEMPERKASA FAHAMAN MELAYU ISLAM BERAJA (MIB)

Oleh:
Dr Lilly Suzana Shamsu

ABSTRAK

Islam adalah agama universal dan satu-satunya pegangan yang mampu menyelamatkan umat manusia di dunia dan juga di akhirat. Namun kehebatan tersebut kurang dirasakan apabila sebahagian penganutnya dilihat tidak sehebat mana pun, bahkan sering terkebelakang dalam banyak hal. Semuanya kerana kurang pengetahuan dan kurang penghayatan kepada ajaran yang diserukan oleh Islam. Justeru kertas ini akan menjelaskan takrif Islam dan menyatakan cabaran yang menjadikan umat Islam hari ini tidak lagi dipandang segagah pahlawan dan mujahid terdahulu khususnya para sahabat dan tabiin bimbingan murabbi Junjungan *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Penghayatan yang cetek mengenai ajaran Islam ini sekaligus memperlihatkan kedangkalan ilmu dan budaya intelek melakukan penyelidikan yang sangat kurang dalam kalangan masyarakat Islam sendiri. Oleh yang demikian, kertas ini mencanangkan pentingnya kembali kepada penghayatan hidup beragama berteraskan al-Quran al-Karim dan al-hadith al-Nabawi yang sabit dalam sama-sama berusaha mendokong prinsip negara Melayu Islam Beraja dan menjana Negara Zikir yang mulia.

Pendahuluan

Perkataan Islam di Negara Brunei Darussalam ini adalah suatu yang lumrah didengar. Islam dijunjung tinggi sehingga diisythihar menjadi agama rasmi negara dan tampuk pimpinan terus menerus mengangkat syiarnya zaman berzaman. Keunggulan ini terpahat dengan slogan Melayu Islam Beraja yang menjadi falsafah negara menuju inspirasi raja berdaulat menjana Negara Zikir. Tanggal 22hb Oktober 2013 dunia turut teruja dengan kelantangan kita mengkanunkan Pelaksanaan Perintah Hukuman Jenayah Syariah yang akan mula berkuatkuasa April tahun 2014 secara berfasa. Semua usaha ini tiada lain demi menegakkan Islam dan melaksana tanggungjawab sebagai seorang muslim. Ini hanya sebahagian tindakan yang telah dilaksana di negara kita yang

sesungguhnya menjadi kewajipan demi terus meletakkan kalimah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* pada tempatnya.

Takrif Islam

Abdul Karim Zaidan dalam *Usul al-Dakwah* menyatakan beberapa takrif mengenai Islam yang boleh diguna pakai oleh para pendakwah ketika menjawab sebarang tujahan. Antara takrif yang diberikan:¹

1. Pengertian Islam itu dijelaskan dalam hadith riwayat Muslim apabila Jibril ‘alaihissalam datang dalam rupa seorang pemuda segak lalu meminta khabarkan mengenai Islam. Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* menjawab:

الإِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَتَقِيمَ الصَّلَاةَ، وَتُؤْتِيَ
الزَّكَاةَ، وَتَصُومَ رَمَضَانَ، وَتَحْجُجَ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا²

2. Lafaz “Islam” itu dikhkusukan kepada agama yang dibawa oleh Muhammad *Sallallahu ‘alaihi wasallam* daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Maksud Islam di sini adalah seperti yang disebutkan dalam firman Allah:

الْيَوْمَ يَكُسِّ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا تَخْشُوْهُمْ وَأَخْشَوْنَ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ
دِينَكُمْ وَأَتَمَّتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيَتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا ۝ فَمَنْ اضْطُرَّ فِي
مَحْمَصَةٍ غَيْرَ مُتَجَانِفٍ لِإِلَّاهٍ، فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ [سورة المائدة. ۳۰]

3. Sebuah agama yang mempunyai perundangan dan peraturan hidup yang syumul dan lengkap. Ia dibawa oleh Nabi Muhammad *Sallallahu ‘alaihi wasallam* daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Tiada agama lain yang diterima untuk diikuti kecuali agama Islam.

¹ Abdul Karim Zaidan, 1421H/2001M, *Usul al-Dakwah*, Muassasah al-Risalah, hlm. 9-14.

² Muslim bin al-Hajjaj, (t.t), *Sahih Muslim*, Kitab al-Iman, Bab Makrifat al-Iman, wa al-Islam, wa al-Qadr, waalamat al-saa'ah, sunt. Muhammad Abdul Baqi, Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi, jilid 1, hlm. 36.

وَمَن يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْحَاسِرِينَ [سورة آل عمران:

[٨٥]

Walau bagaimanapun, takrif pertama lebih tepat dan sesuai serta mencakupi definisi yang lain.

Islam Agama Lengkap

Agama Islam pula tidak membiarkan pengikutnya terkontang kanting hidup bersendirian mengikut naluri manusia sahaja. Islam telah menyediakan panduan yang jelas yang perlu diikuti dalam menjalani kehidupan sebagai seorang muslim. Panduan tersebut tiada lain melainkan al-Quran dan al-Hadith yang isinya merupakan petunjuk-petunjuk yang holistik dan bersepadan dalam memberikan kebahagiaan di dunia dan juga di akhirat. Demikian yang dinyatakan oleh Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* dalam sebuah hadith riwayat al-Hakim daripada Abi Hurairah *Radiallahu 'anhu*, Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda³:

«إِنِّي قَدْ تَرَكْتُ فِيمْكُمْ شَيْئَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا بَعْدَهُمَا: كِتَابَ اللَّهِ وَسُنْنَتِي».

Mafhumnya:

“Aku telah tinggalkan untuk kamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat selepasnya: Kitab Allah dan Sunnahku”.

Cabaran Umat Islam Kini

Populasi umat Islam adalah yang kedua paling ramai selepas agama Kristian. Hari ini sahaja mengikut kajian pada bulan Disember 2012 oleh Global Religious Landscape dan disiar dalam laman web pewsearch.org keramaian atau jumlah penduduk dunia beragama Islam adalah seramai 1.6 billion orang⁴. Ini menjadikan Islam sebagai agama yang sangat cepat berkembang di dunia.

³ Al-Hakim, Muhammad bin 'Abd Allah (1990), Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, *al-Mustadrak 'ala al-Sahihain*, sunt.: Mustafa 'Abd al-Qadir 'Ata, jilid 1, hlm 172.

⁴ <http://www.pewresearch.org/fact-tank/2013/06/07/worlds-muslim-population-more-widespread-than-you-might-think/>

Walau bagaimanapun, perlu diingat kuantiti yang ramai tidak selamanya mencerminkan kekuatan ummah. Jati diri yang rapuh akan mudah dirobohkan oleh kerakusan nafsu yang tidak dikawal iman yang teguh, justeru melahirkan jati diri yang miskin nilai dan mudah dimomokkan musuh Islam.

Amat menghairankan umat Islam yang mempunyai rujukan paling lengkap terus hanyut dan berlumba-lumba meniru masyarakat bukan Islam, yang kebanyakannya menjadi hamba dunia dan tiada arah dalam kehidupan.

Virus *al-Wahn*

Kondisi umat Islam di akhir zaman yang sekalipun ramai tetapi ‘berpenyakit dan tidak sekuat umat terdahulu’ sememangnya sudah diketahui oleh Baginda Nabi *Sallallahu ‘alaihi wassalam*. Justeru, seawalnya lagi Baginda memberi peringatan yang disampaikan oleh Baginda dalam sebuah hadis dari Thauban *Radiallahu ‘anhu*⁵:

«يُوْشِكُ الْأُمَّةُ أَنْ تَدَاعِيَ عَلَيْكُمْ كَمَا تَدَاعَى الْأَكْلَهُ إِلَى قَصْبَعِهَا»، فَقَالَ قَائِلٌ: وَمِنْ قِلَّةِ
نَحْنُ يَوْمَئِذٍ؟ قَالَ: «بَلْ أَنْتُمْ يَوْمَئِذٍ كَثِيرٌ، وَلَكِنَّكُمْ عُثَاءٌ كَعْثَاءُ السَّيِّلِ، وَلَيَنْزَعَنَّ اللَّهُ مِنْ
صُدُورِ عَدُوِّكُمُ الْمَهَابَةُ مِنْكُمْ، وَلَيَقْدِفَنَّ اللَّهُ فِي قُلُوبِكُمُ الْوَهْنُ»، فَقَالَ قَائِلٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ،
وَمَا الْوَهْنُ؟ قَالَ: «خُبُثُ الدُّنْيَا، وَكَرَاهِيَّةُ الْمَوْتِ».

Mafhumnya: “Hampir saja bangsa-bangsa mengepung kamu, sebagaimana orang lapar mengepung tempat makanan. Maka seorang sahabat (*Radiallahu ‘anhu*) pun bertanya, “Apakah ketika itu umat Islam telah lemah dan musuh sangat kuat?” Sabda Baginda *Sallallahu ‘alaihi wasallam*: “Bahkan masa itu kamu ramai tetapi kamu umpama buih seperti buih lautan, Allah mencabut daripada dada-dada musuh kamu rasa takut kepada kamu, dan Allah masukkan dalam jantung hati kamu *al-Wahn*. Sahabat bertanya lagi, “Apakah itu *al-Wahn*?” Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam*. bersabda: “Cintakan dunia dan takut akan kematian”.

⁵ Hadis ini diriwayatkan dalam *Sunan Abu Daud*, *Kitab al-Malahim*, *Bab fi Tada’I al-Umam ‘ala al-Islam*, jilid 4, hlm. 111, no hadis 4297.